


# Menyelusuri leluhur tanah Toraja Sulawesi

PENULIS di atas kapal memulakan pelayaran.



UB 5.8.2018 83



**CATATAN KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN MOHD ARUS**

Siri 1


**T**ELEFON bimbit telah berdering beberapa kali mungkin sudah lama menjalankan tugasnya mengejutkan penulis sebab sebelum tidur telah diberi arahan membangkitkan penulis yang kadangkala terlupa untuk bangun pada waktu yang dijanjikan.

Lamunan mimpi terhenti apabila penulis terjaga dari tidur, rupanya jam menunjukkan pukul lima subuh. Sepatutnya penulis sudah bersedia untuk bersiap menanti sahabat menjelajah Profesor Ismail Ibrahim di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan sebelum pukul 6 pagi untuk mengejar penerbangan ke Tawau.

Rancangan pagi ini adalah untuk pergi ke Nunukan sebelum belayar ke Makassar Pulau Sulawesi, Indonesia dengan harapan untuk membuat sebuah buku catatan perjalanan atau *travelogue* sebagai tujuan utama penulis dan teman.

Sambil menunggu kapal terbang yang membawa kami ke Tawau, terlihat ramai penumpang yang berbagai-bagai rupa,

**PEKERJA mengangkat rumpailaut di pelabuhan Nunukan.**



PENULIS bersama teman mengembara Prof Ismail di Nunukan.

majoritinya pelancong dari benua China dan Korea berdasarkan mirip muka dan loghat perbualan mereka. Penulis berkata di dalam hati kenapa mereka ini ramai menaiki kapal terbang bersama ke destinasi yang sama. Seketika baru perasan destinasi pelancong di negeri Sabah sangat unik kerana terdapat berbagai-bagai tarikan pelancong yang semulajadi. Rupa-rupanya pelancong luar negara tersebut menuju ke Semporna, sebuah bandar peranginan di negeri Sabah, bandar yang terkenal dengan aktiviti laut seperti *scuba diving*, menyelam, makanan laut dan sebagainya.

Apabila sampai di Tawau cuaca agak muram dan mendung kerana baru beberapa minit tadi hujan dengan lebatnya telah

membasahi bumi Tawau beserta ribut sekali. Nasib baik ribut tidak melanda semasa pesawat kami mendarat di bumi Tawau. Jika tidak sudah tentu kami dilambung angin umpama belon yang terlepas angin.

Sementara itu, Cikgu Kamis bekas pelajar Dr Ismail telah sedia menunggu di Lapangan Terbang Tawau dengan Toyota D Max untuk membawa kami bersarapan di Acil Soto Banjar tempat pilihan popular kakitangan kerajaan singgah makan di daerah Tawau. Semangnya soto Banjar di restoran ini sedap, terasa bumbunya yang istimewa seakan mahu diulang lagi merasa di lain masa.

Sesudah selesai bersarapan dan kupa kupa sambil diselangseli dengan cerita nostalgia terutama antara guru dan muridnya, kami beredar dan dihantar ke Jeti Pelabuhan Tawau di mana tiket untuk ke Nunukan ada dijual. Semasa di terminal jeti Tawau saya singgah minum di gerai menjual kopi.

Sambil menghirup kopi Toraja yang panas saya memerhati karenah penumpang yang sedang menunggu feri untuk berlepas ke beberapa buah bandar di pesisir pantai Borneo umpamanya Pulau Sebatik dan juga pulau kecil di bawah pemerintahan Indonesia kerana Tawau sebagai bandar perbatasan antara Malaysia dan Indonesia sebagai pintu belakangnya. Pulau Sebatik diperintah oleh Malaysia dan Indonesia satu kerjasama yang erat di antara kedua negara yang bersaudara.

Setelah lama menunggu

maka pada pukul 3.15 petang kami menaiki sebuah feri yang sederhana besar dan memulakan perjalanan laut dalam lawatan menuju bandar pelabuhan Nunukan. Perjalanan yang menyeronokkan menuju Nunukan memberikan penulis pengalaman pertama melihat keindahan bandar Tawau dari arah laut dan juga peluang melihat kehidupan di sekitar kepulauan Sebatik yang terkenal dengan pemerintahan dua kerajaan yang bersempadan.


Sekitar dua jam dalam pelayaran kami tiba di pelabuhan Nunukan yang sentiasa sibuk dengan penumpang. Pedagang dan juga pekerja buruh angkut yang sibuk dengan mengangkat barang penumpang yang turun serta yang akan belayar.

Nunukan adalah sebuah daerah di Kalimantan Utara Indonesia yang berjiran dengan Malaysia, sebagai pelabuhan lintas atau laluan maka perniagaan utama pada masa dahulu adalah tempat pekerja asing singgah sebelum masuk ke Sabah.

Pengalaman pertama yang penulis alami dan akan menjadi suatu pemandangan biasa di setiap pelabuhan yang akan ditempuh dalam perjalanan ialah perangai buruh angkut yang berebut mengejar pelanggan dengan berebut melompat ke atas dek feri di saat sedang bergerak untuk berlabuh di tambatan seperti cerita 'Pirate of the Caribbean'. Tujuan mereka untuk mengangkat barang dan bagasi penumpang sebanyak mungkin yang boleh bagi menyara keluarga.

Perjalanan ke Nunukan

PROF Ismail berehat di atas kapal KM Lambelu.



dengan feri *MV. Mid East Express* yang sederhana besar memakan masa dua jam melalui beberapa buah pulau di pesisir pantai Borneo kami juga melalui Pulau Sebatik dan sementara itu di atas kapal beberapa aktiviti berlaku sementara menunggu sampai ke destinasi.

Umpamanya terdapat beberapa kumpulan yang berkaraoke, bermain kad dan juga bercerita sambil bersantai menikmati pemandangan dan juga bermesra dengan bayu laut. Apabila sampai di pelabuhan kami diambil di terminal feri oleh sahabat lama dan dibawa ke homestay lebih kurang lima kilometer dari pelabuhan.

Di homestay, pada malamnya kami dijamu dengan makanan istimewa kaum Bugis antaranya tahu isi, resipi tahu goreng berintikan sayur sayuran sangat enak. Pada pukul 2 pagi kami dihantar ke pelabuhan Nunukan untuk tujuan menaiki kapal KM Lambelu namun kapal yang ditunggu diberitahu lewat sampai di pelabuhan Nunukan.

Setelah puas menunggu sehingga pukul 6 pagi kami pun diarah menaiki kapal melalui tangga gantung yang berbuai-buai membuatkan hati kami agak gusar. Kapal Lambelu yang mempunyai dua corong akan menjadi

tempat kediaman kami selama tiga hari dua malam dan seterusnya akan membawa kami ke Pare -Pare dan singgah di pelabuhan Pantoluan -Palu dan Balikpapan.

Semasa menaiki kapal kami menyaksikan penumpang yang naik dan turun dari kapal yang tersergam itu berebut dan bertolak untuk memanjat tangga kapal sambil masing-masing memikul beban mereka seperti bagasi sama ada yang turun mahupun yang naik bersama buruh angkut yang sibuk membawa bagasi penumpang, menjadikan keadaan hiruk pikuk sehingga ke dalam perut kapal terutamanya penumpang di kelas bawah.

Penulis mengimbau peristiwa empat puluh tahun dahulu di Pelabuhan Kelang (Port Swettenham) ketika menghantar nenda penulis bertolak ke tanah suci Mekah, menyaksikan perebutan mencari tempat tinggal di kapal seperti yang berlaku pada hari tersebut. Setelah semua penumpang mendapatkan pangkin atau tempat meluruskan badan dan meletakkan bagasi mereka sehingga sampai di destinasi.

Di dalam kapal terdapat empat kategori penumpang pertama gelandangan di paling bawah perut kapal dan mereka tinggal di dalam

bilik yang besar dan setiap orang mendapat pangkin dan tilam setiap penumpang yang membayar sekitar lima dan enam ratus ribu rupiah di anggap paling murah dengan makan selama pelayaran dari Tawau ke Makassar.

Kumpulan penumpang kedua penumpang pertengahan di mana mereka tiga atau empat orang sebilik dengan berkongsi tandas di luar

Sedangkan kumpulan ketiga dianggap kumpulan elit kerana mereka membayar lebih dan tinggal dalam bilik kabin lengkap dengan bilik air serta keperluan seperti singki, makanan di hantar dan di layan oleh pekerja kapal.

Kumpulan terakhir adalah kumpulan super elit biasanya orang ternama atau tetamu kapten kapal. Tepat pukul 8.30 am walaupun sudah lewat tetapi ketika kapal meninggalkan pelabuhan kami merasa seronok kerana akhirnya kapal yang sepatutnya bertolak pada pukul dua malam tetapi disebabkan tertangguh maka kami rasa banyak masa terbuang dengan menunggu.

**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***